

**KAJIAN TAFSIR MAUDU'I DALAM AL-QURAN :
TUMPUAN DALAM SURAH YUSUF**

**MOHAMAD ALWI BIN AB RAHMAN
NO MATRIK : M1211050M07**

PROGRAM PENGAJIAN :

**SARJANA PENGAJIAN AL-QURAN
KULLIYYAH AL-QURAN DAN AL-SUNNAH
KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH(KUIN)**

1436HIJRIYY / 2015 MASIHIYY

ABSTRAK

Kajian ini menghuraikan sejarah kehidupan Nabi Yūsūf a.s yang terkandung di dalam al-Qur'an dari perspektif yang lebih luas. Di dalam al-Quran Allah SWT telah mengkhususkan satu surah yang menceritakan kisah perjalanan hidup Nabi Yūsūf a.s iaitu surah Yūsūf. Surah ini menceritakan kisah perjalanannya bermula sejak beliau kecil hinggalah dewasa serta diangkat sebagai seorang yang sangat berpengaruh di Negara Mesir. Kajian yang dijalankan ini bertujuan menjelaskan sejarah kehidupan Nabi Yūsūf a.s dan menyatakan apakah ujian-ujian yang menimpa Nabi Yūsūf a.s. Selain itu, ia juga mengemukakan beberapa langkah-langkah dalam menghadapi ujian yang diajar oleh Nabi Yūsūf a.s serta tindakan sewajarnya yang harus diambil oleh manusia khususnya orang yang beriman dalam menghadapi sebarang bentuk ujian. Penghuraian dan perbincangan sejarah kehidupan Nabi Yūsūf a.s diambil daripada pandangan para ulama tafsir dan Hadith yang membincangkannya. Kajian ini adalah kajian Kepustakaan yang menggunakan kaedah deskriptif dan historika. Hasil kajian mendapati bahawa sejarah kehidupan Nabi Yūsūf a.s yang dinyatakan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan satu contoh teladan serta pengajaran dari Allah SWT kepada umat manusia. Melihat kepada bentuk-bentuk ujian yang dikenakan ke atas para Rasul terdahulu menjelaskan kepada kita bahawa setiap manusia tetap akan diuji oleh Allah SWT. Dengan ujian-ujian itulah akan lahirnya satu kemanisan yang berteraskan keimanan kepada Allah SWT yang akan membawa kejayaan yang hakiki di akhirat kelak.

ABSTRACT

This research is conducted to describe the life of Prophet Joseph as told in the Holy Quran in wider perspective. Allah specifically highlighted the story of Prophet Joseph in the surah named *Yusuf*. Through this surah, it told us the story of the Prophet from his early age until he became an important person in Egypt. The research has been done to clarify the life history of Prophet Joseph and the tests and obstacles he had to face in his life. Besides that, this research also came up with a few ways to deal with the test and the right action that should be taken by human as taught by Prophet Joseph. The description and discussion about the life history of the Prophet was taken from the Islamic scholars of *tafsir* and *hadith* point of views who had already discussed this. This research used the descriptive and historical methods of study. The outcome of the research found that the life history of Prophet Joseph which was portrayed in the Holy Quran and *Sunnah* is a good lesson and example from Allah to mankind. Looking at various types of tests faced by all messengers of Allah showed us that everyone will be tested by Allah. Through those tests, we will feel the sweetest taste of *iman* that gives us the real victory in this life and the hereafter.

KANDUNGAN

		Halaman
ABSTRAK		ii
ABSTRACT		iii
PENGAKUAN		v
PENGHARGAAN		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI TRANSLITERASI		ix
SENARAI SINGKATAN		xii
BAB I	Pengenalan	
1.1	Latar Belakang	1
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Matlamat Kajian	5
1.5	Ulasan Kepustakaan	5
1.6	Batasan Kajian	7
1.7	Metodologi Kajian	7
1.8	Kesimpulan	11
BAB II	SEJARAH KEHIDUPAN NABI YŪSŪF A.S MENURUT	
	AL-QURAN	
2.1	Pengenalan	13
2.2	Nabi YŪsŪf Bermimpi	15
2.3	Nabi YŪsŪf Dan Tipu Daya Saudara-Saudaranya	16
2.4	Nabi YŪsŪf Mendapat Pertolongan Dari Seorang Musafir	21
2.5	YŪsŪf Dan Godaan Puan Futhifar (Zulaikha)	23
2.6	Nabi YŪsŪf A.S Diuji Dengan Hukuman Penjara	27
2.7	YŪsŪf Di Angkat Sebagai Wakil Raja Mesir	33
2.8	Pertemuan YŪsŪf Dengan Saudara-Saudaranya	37
2.9	Kesimpulan	53

